PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JULY 2017

Puad sedia berdebat dengan Dr M

BH- 22/7/2017 Pg. 6

[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]

Mohd Puad bersama Ketua Wanita UMNO Bahagian Kota Bharu, Madihah Ab Aziz (empat dari kiri) *dan Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Tan Sri Mohd Fatmi Che Salleh (empat dari kanan) selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Kota Bharu, semalam.*

Kota Bharu: Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi menawarkan diri berdebat dengan Tun Dr Mahathir Mohamad pada forum *Nothing to Hide 2.0* yang mahu dianjurkan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu.

Beliau yang juga Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), berkata Dr Mahathir tidak perlu mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk berdebat mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Tak perlu cabar PM

"Saya sedia berdebat dengan Dr Mahathir sekiranya benar beliau mahu mendengar berhubung isu 1MDB. Tak perlulah Dr Mahathir mencabar Perdana Menteri kerana saya pun mampu melakukannya," katanya.

Mohd Puad yang melontarkan cabaran itu pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Kota Bharu semalam, berkata Dr Mahathir sebenarnya sengaja buat kecoh dan mahu memalukan Perdana Menteri di khalayak ramai, bukan mahu mencari kebenaran.

"Walaupun beliau mendakwa adalah *top dog* (dalam struktur kepemimpinan pakatan pembangkang) dan Perdana Menteri setanding dengannya, pada saya jawatan Dr Mahathir itu tidak ada kuasa.

"Jadi tiada sebab beliau enggan berdebat dengan saya. Saya sendiri ada banyak perkara mahu ditanya, termasuk isu kekayaan anak beliau serta isu forex (kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia Sekitar 1990-an).

"Terserah kepada beliau mahu debat itu dibuat secara terbuka atau tertutup. Kalau boleh ia dikendalikan secara teratur dan mampu memberi ruang kepada semua pihak untuk mengeluarkan pandangan selain tidak diganggu," katanya.